

PERANAN MASJID AL-AZHAR KUIS DALAM DAKWAH

Safinah Ismail
Syarbaini Ahmad
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Masjid memainkan peranan penting untuk mempersatukan kaum Muslimin dan mengeratkan hubungan persaudaraan sesama Islam dan penyebaran dakwah termasuklah Masjid Al-Azhar. Masjid ini merupakan masjid yang aktif dan cukup berperanan dalam program pengimarahannya. Oleh itu kertas kerja ini membincangkan sejarah masjid al-Azhar dan peranannya. Metode penyelidikan yang telah digunakan adalah metode dokumentasi, kepustakaan dan pemerhatian. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa masjid sebagai tempat tumpuan dan cukup berperanan dalam masyarakat. Masjid Al-Azhar merupakan masjid yang aktif menganjurkan pelbagai program pengimarahannya bukan sahaja kepada pelajar-pelajar KUIS tetapi juga masyarakat sekitar, antara peranannya adalah menghidupkan budaya ilmu, pusat ibadah, pusat kebajikan, amar makruf nahi mungkar dalam merealisasikan sebagai pusat penyebaran dakwah.

Kata Kunci: Masjid, peranan, dakwah

1. Pengenalan

Nabi Muhammad SAW selaku insan yang menjadi contoh teladan kepada pembangunan ketamadunan insan adalah manusia yang diperkayakan oleh Allah dengan segala kebijaksanaan. Ketika hijrah dan mendirikan negara Madinah, Rasulullah menggunakan kebijaksanaan menjadikan masjid Madinah (Masjid Nabawi) sebagai pusat kegiatan pemerintahan persis sebagai pusat pembinaan sebuah tamadun manusia yang sempurna dalam segala aspek. Masjid yang terletak di tengah-tengah masyarakat madinah menjadi jantung kota Madinah saat itu. Ini kerana Masjid Nabawi menjadi pusat kegiatan politik yang membahaskan segala dasar-dasar pemerintahan, markaz yang menentukan strategi ketenteraan dan pusat pemeteraian hubungan diplomatik dan kerjasama. Tidak cukup dengan itu, ia juga menjadi tempat menjaga kebajikan warga Madinah dengan digunakan sebagai tempat tinggal sementara oleh orang-orang fakir miskin, ahli suffah dan tempat menghubungkan baginda dengan seluruh umat Islam.

Setelah Nabi wafat, keadaan yang sama diteruskan oleh pada *Khulafau Rasyidun* sebagai kesinambungan amanah Rasulullah SAW. Pada saat itu, fungsi Masjid Nabi semakin diperluas sebagai pusat pertemuan para sahabat dan pemimpin Muslim lainnya. Kerana menjadi pusat dakwah bagi kaum muallaf dalam rangka menerima pelajaran dasar tentang Islam. Natiyah dari itu fungsi masjid sebagai pusat pendidikan Islam menjadi semakin mengkristal dan bersinar. Itulah asas yang dijadikan sandaran kepada umat Islam kemudian dengan menegaskan fungsi masjid sebagai pusat perkembangan ilmu dan penyebaran dakwah.

Masjid kemudian dibangun di luar Semenanjung Arab, seiring dengan kaum muslim yang mula bertebaran di luar Jazirah Arab. Di Mesir khususnya menjadi daerah pertama yang dikuasai oleh kaum Muslim Arab pada tahun 640. Sejak saat itu, Ibukota Mesir, Kaherah dipenuhi dengan masjid yang menjadi pusat perkembangan ilmu, sehingga dijuluki sebagai kota seribu menara. Dan dari situ jugalah munculnya Universiti Al-Azhar, iaitu univerviti yang pertama di dunia yang kekal sehingga ke hari ini.

Dalam perkembangan sejarah Islam, eksistensi masjid menjadi sangat komprehensif kerana selain sebagai tempat beribadah ia juga menjadi landskap menyuburkan jati diri yang sangat bermakna bagi umat Islam umumnya yang selaras dengan fungsi-fungsi masjid. Masjid yang pada awalnya banyak bertumpu kepada agenda-agenda ibadah *khususiah* kini mula mengorak langkah memperluaskan dan mempelbagaikan lagi peranannya yang menjadi sumber kegiatan sosial-keagamaan, pendidikan, politik, kebajikan, riadah, kesihatan dan sebagainya.

Masjid Al-Azhar KUIS juga tidak tercicir dalam mengorak langkah ke arah ini. Dengan kedudukannya di tengah-tengah lokasi geografi KUIS, Masjid Al-Azhar dikategorikan sebagai sebuah 'Masjid Institusi' kerana ianya terletak di dalam sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam milik sepenuhnya Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang ditubuhkan di bawah akta IPTS 1996. Ahli Jawatankuasanya dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui peruntukan yang telah ditetapkan seperti masjid-masjid lain di negeri Selangor. (Dokumen Masjid al-Azhar). Masjid Al-Azhar merupakan masjid yang aktif menganjurkan pelbagai program pengimarahannya bukan sahaja kepada pelajar-pelajar KUIS tetapi juga masyarakat sekitar.

Kertas kerja ini menjadi medan untuk kami membincangkan secara terperinci sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh Masjid Al-Azhar dalam membangunkan kembali syiar Islam di bumi Malaysia khususnya KUIS. Ini dihurai satu persatu di dalam kertas kerja ini.

2. Sorotan Literasi

Perkataan masjid disebut sebanyak 16 kali di dalam Al-Quran (Indeks Al-Quran, 2014). Jika dicampur semua antara kata tunggal dan jama' pula disebut sebanyak 28 kali. Jika di campur dengan perkataan 'saf', 'bait', dan 'buyut' pula menjadi penyebutannya sebanyak 46 kali (Faidullah Al-Maqdisi). Ini sudah cukup menggambarkan peri pentingnya masjid dalam sesebuah komuniti. Ia juga dikenali sebagai taman-taman syurga yang ada di atas muka bumi Allah.

Islam amat menggalak umatnya membina masjid secara fizikal dan spiritualnya iaitu dengan cara mengimarahkan masjid secara pembangunan maknawi dan ukhrawinya. Firman Allah dalam surah An-Nur ayat 36 dan 37 bermaksud "*Di dalam rumah-rumah yang mana Allah izinkan agar diangkat/bina dan disebut/diingat nama Allah di waktu pagi dan petang. Mereka lelaki-lelaki yang tidak dapat dilalaikan oleh pemiagaan dan jualbeli daripada mengingati Allah dan mendirikan solah dan mengeluarkan zakat, mereka takut satu hari di mana pada hari itu hati dan penglihatan sudah tidak menentu lagi.*"

Lantaran itu seharusnya di tanam dalam diri setiap individu muslim untuk merasa pentingnya kewujudan institusi masjid yang ada di sekitar mereka. Proses untuk menimbulkan kesedaran bagi mengimarahkan masjid dengan kepelbagaian ibadah adalah teramat penting. Namun begitu banyak persoalan yang timbul tentang bagaimanakah caranya untuk mengimarahkan masjid ini.

Profesor Mahmud Saedon Awang di dalam kertas kerjanya (USM.1993) menyatakan dalam kajiannya, masjid sebagai pusat yang menghubungkan kita sebagai manusia dengan Allah sang pencipta. Dengan itu Islam menuntut agar setiap umatnya senantiasa mengimarahkan dengan mendirikan solah, berzikir, mengeluarkan zakat dan seluruh kegiatan yang ma'ruf dan dan bermanfaat di dunia dan akhirat.

Dalam menghuraikan peranan masjid di zaman Rasulullah SAW, beliau menyatakan bahawa, pada masa itu masjid dimanfaatkan sebagai pusat ibadah dan muamalah, pusat penyebaran dakwah, pusat pentadbiran, pusat perkembangan ilmu, khazanah hikmah dan pusat pembentukan akhlak anak serta segala aktiviti yang mendatangkan manfaat kepada Islam dan umatnya.

Di dalam sirah Rasulullah mencatatkan beberapa peranan masjid di dalam masyarakat. Antaranya adalah (Abdurrahman, 2004):

- Sebagai tempat beribadah
- Tempat konsultasi dan komunikasi
- Tempat menimba ilmu
- Tempat kebajikan masyarakat
- Tempat latihan ketenteraan dan persiapannya
- Tempat untuk merawat
- Mahkamah untuk memutuskan hukuman
- Pusat penerangan dan pembelaan agama

Pandangan lain pula menghuraikan masjid merupakan pangkal tolak dan penghujung bagi segala urusan dan segala aspek kehidupan umat Islam. Ini kerana, selain aripada tempat beribadah, ia juga merupakan tempat untuk bermesyuarat, mahkamah perbicaraan dan menjatuhkan hukuman, institusi pengajian dan perkembangan ilmu, balai perhimpunan, tempat aktiviti kesusateraan, pusat ekonomi dan perdagangan, serta tempat membincangkan dasar-dasar Negara (Zakaria Stapa).

Semua pandangan yang diutarakan itu jelas menunjukkan kepada kita betapa luasnya peranan masjid pada zaman Rasulullah SAW. Namun begitu, peranan-peranan itu dihakis sedikit demi sedikit oleh penjajah sehingga akhirnya mereka berjaya meletakkan persepsi pada umat Islam yang masjid hanyalah tempat untuk melakukan ibadah khusus sahaja seperti solat dan bacaan Al-Quran.

Lantas inilah cabaran yang perlu disahut oleh setiap umat Islam pada hari ini. Iaitu cabaran untuk mengembalikan sepenuhnya peranan masjid seperti mana yang dilaksanakan oleh Masjid Nabawi suatu ketika dulu. Bahkan dengan cabaran semasa yang menekan kehidupan, peranan itu mungkin perlu diperluaskan lagi selagi tidak wujud konflik dengan dengan batas-batas syariat.

2.1 Sejarah Masjid Al-Azhar KUIS

Masjid Al-Azhar telah dibina pada fasa pertama pembinaan KUIS iaitu pada tahun 1998 hingga tahun 2000 dan dibina di tengah-tengah kawasan KUIS yang berkeluasan 104 ekar. Masjid ini telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah AlHaj. Sultan Selangor yang ke 9 pada 25 Mei 2002. Masjid ini mampu memuatkan lebih kurang 3,000 jemaah dalam satu-satu masa. Aras bawah Masjid Al-Azhar merupakan ruang solat utama manakala aras satu merupakan kawasan untuk jemaah wanita menunaikan solat dan melakukan aktiviti yang dikhususkan untuk Jemaah wanita seperti Usrah, Kuliah Muslimat dan sebagainya. Walaubagaimanapun pada waktu solat jumaat, kedua-dua ruang akan dipenuhi oleh jemaah lelaki untuk menunaikan Solat Jumaat .(Dokumen Masjid al-Azhar)

3. Peranan

Masjid asasnya dibina untuk tempat solat, tetapi ia juga sebagai sarana penting untuk mempersatukan kaum Muslimin dan mengeratkan hubungan persaudaraan sesama Islam dan mengadakan perjanjian antara orang Islam dengan orang bukan Islam. Masjid pada masa Nabi juga berfungsi sebagai pusat pemerintahan. Pembinaan masjid bertujuan mengasaskan tempat mesyuarat, perhimpunan untuk mengajar urusan agama dan dunia, tempat penyelesaian masalah, pusat gerakan, tempat perlindungan sementara bagi orang musafir dan tempat mendirikan solat.(Ab Aziz Mohd Zin.2005:62) Antara peranan yang di mainkan oleh masjid al-Azhar adalah:

3.1 Pelaksanaan Solat

Sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah S.W.T kepada setiap hambaNya supaya mengerjakan solat samada solat fardhu atau sunat. Solat sunat disini lebih tertumpu kepada solat sunat yang dikerjakan sewaktu Qiamullail dan tidak termasuk solat sunat Rawatib, Taraweh dan solat-solat sunat yang lain.

3.2 Khutbah

Aspek penting dalam penyebaran dakwah terhadap masyarakat bagi memberi kesedaran yang memberansangkan. Namun, ia perlu diurus oleh yang arif kerana jika khatib yang tidak berpengalaman dalam komunikasi dengan orang ramai atau tidak fasih dengan bahasa-bahasa baru maka, sesebuah khutbah itu di nilai sangat lemah dan tidak 'hidup' kerana khatib tersebut tidak pandai menarik perhatian jemaah atau audiens yang mendengar malah akan membuatkan jemaah sering tertidur. Selain itu juga, jiwa seseorang muslim akan terisi dengan ilmu Islam dan mendengar khutbah Jumaat secara tidak langsung dapat menunaikan sembahyang Jumaat. Manakala bagi mereka yang tidak kelapangan untuk mengikuti program-program keagamaan yang diadakan di

masjid, maka sekurang-kurangnya dengan mendengar khutbah Jumaat setiap minggu sekali itu diharap dapat menambah ilmu pengetahuan dan membuka minda mereka yang cetek agama.

Para AJK dan kakitangan masjid berjaya dalam gaya penyampaian khutbah Jumaat serta dapat menarik minat dan memberi kesan yang mendalam kepada hadirin mendengar dengan menjemput khatib jemputan setiap sebulan sekali selain dari AJK masjid. Terdapat sebilangan besar jemaah yang datang adalah dari kalangan warga KUIS, penduduk sekitar Bandar Seri Putra dan Bukit Mahkota dan yang berdekatan dengannya. Namun, yang dapat dilihat keberkesanan khutbah itu ialah masyarakat luar juga turut tidak melepaskan peluang mengikuti kuliah sebelum solat Jumaat itu. (Nabila Binti Ibrahim. 2010: 51-52) Khutbah disini terbahagi kepada dua iaitu khutbah Jumaat dan khutbah Hari Raya.

3.3 Ceramah dan Kuliah Agama

Sebagaimana masjid-masjid yang terdapat di negara ini. AJK Masjid Al-Azhar juga telah merangka dan melaksanakan banyak aktiviti yang berkaitan dengan ceramah dan kuliah sepanjang tahun. Institusi Masjid haruslah dijadikan sebagai tempat untuk mencambahkan fikiran dengan adanya dialog, ceramah, kuliah, dan sebagainya. Kumpulan-kumpulan kecil bolehlah ditubuhkan untuk menggunakan masjid sebagai tempat untuk mempercambahkan fikiran dan menajamkan akal. (Mohd Hairul Wariadi Bin Masandid. 2011:32) Contohnya pihak masjid telah menjemput Khas Ulama' daripada Timur Tengah iaitu Allahyarham Syeikh Ramadhan Al-Bhuti, Syeikh Muhammad Kurayyim Rajih, Syeikh Muhammad Muaffaq, Syeikh Mustafa Dib Al-Bugho dan Syeikh Dr. Muhammad Ali-Al-Sobuni untuk memberi santapan rohani kepada warga KUIS dan masyarakat setempat. Kuliah-kuliah juga disemarakkan dengan kuliah subuh, maghrib dan dhuha. Antara jemputan penceramah melibatkan ustaz tersohor seperti ustaz Azhar Idrus, ustaz Don Daniel, Ust Badlishah, Syeikh Nuruddin Marbu Abdullah Al-Banjari, Ust Zainal Asri dan lain-lain.

Manakala pengajian kuliah dhuha diadakan setiap Sabtu, minggu 1 dan ke tiga menggunakan kitab tafsir oleh ust Ikmal Zaidi, Minggu ke 2 dan ke 4 menggunakan kitab Midraj Ul-Fawatih Fi Syarh Misykat Il Masobih. Ia dilaksanakan sebulan dua kali. Ia di mulakan pada 18 Mei 2014 (Ahad).

Tazkirah agama juga dilakukan pada setiap selepas waktu solat fardhu yang mengambil masa hanya 15 minit sebelum memulakan kuliah pengajian bagi hari yang berkenaan. Pada kebiasaannya tazkirah ini menyentuh tentang hal-hal isu semasa dan juga topik yang mampu menarik minat para pendengar Jemaah.

3.4 Daurah

Masjid Al-Azhar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) komited untuk menganjurkan program ilmiah berbentuk turathi dan talaqqi yang telah menjadi warisan tamadun Islam sejak zaman Rasulullah S.A.W dan terus berkesinambungan dari satu generasi ke generasi serta berjaya melahirkan ulama rabbani yang telah menghiasi sejarah peradaban Islam. Program ilmiah ini begitu sinonim dengan proses Ta'dib yang dicanangkan oleh pihak pengurusan KUIS sekaligus membantu proses transformasi yang ingin dibawa. Tambahan, kehadiran ulama yang berwibawa yang memimpin program ini sudah tentu akan merencanakan lagi agenda Ta'dib ini. Program ini juga bertepatan dengan slogan "Masjid Sebagai Qalbu Universiti" yang dilihat tidak lari dengan manhaj talaqqi dan turath yang menjadi asas program ilmiah ini.

a. Daurah Talaqqi Kitab

Sepanjang semester dua sesi 2013/14 Talaqqi kitab Hidayatus Sibyan telah diadakan setiap tengahari sebelum zohor iaitu dari hari Isnin hingga Khamis yang di sampaikan oleh Ust Nasaruddin Awang di Masjid Al-Azhar. Daurah cuti semester telah diadakan pada 5-11 April 2014. Daurah ini di sampaikan oleh Dr Faisal Muhamad dan Ust Nasaruddin Awang. Antara kitab yang di gunakan adalah Kitab Nukhbatul Fikar (Mustholah Hadis), Matan Umm Barahin (Aqidah). Pengajian ini dimulakan jam 9 pagi dan berakhir jam 11 malam sepanjang daurah di jalankan. Di harapkan dengan adanya budaya ilmu ini , Masjid al-Azhar juga dapat melahirkan insan yang berilmu berakhlak dan mampu menjadi daie, ulama dan umarak suatu hari nanti. .(Buletin Al-Azhar.2014:2)

b. Daurah Al-Quran Fi Qalbi (DAQIQ 2013)

Program ini telah berlangsung selama 5 hari bermula dari 23-27 Disember 2013. Dengan objektif utamanya iaitu memantapkan bacaan melalui tasmik dan hafazan juz-juz amma, program ini berjaya mendapat 86 orang peserta dari lingkungan usia 7 sehingga 14 tahun. Selain menghafaz, para peserta juga didedahkan dengan aktiviti sukan memanah sunnah dan juga beberapa siri pengisian yang disampaikan iaitu Ustaz Don Daniyal Biyajid, Ustaz Syarul Azman, Saudara Amin Idris dan juga Pn Salima Habibi. (Norhasdillah Hashim, 2014:)

3.5 Kursus, Seminar dan Bengkel

Program-program ini didirikan di atas dasar asas-asas yang menyeluruh dari aspek kognitif, sosial, emosi, fizikal, moral dan kreativiti yang berpaksi kepada akidah dan rohani yang mantap. Setiap program yang dianjurkan adalah menepati keseimbangan dan setara dengan keperluan pembangunan material dengan pembinaan diri insani iaitu meletakkan tauhid dan keimanan sebagai entiti utama.

Pihak AJK masjid telah mengadakan beberapa bengkel, seminar antaranya bengkel usrah dan Badar di Nilai, Negeri Sembilan pada hari Rabu, 30 April 2014 yang lepas. Ianya bertujuan membincangkan program-program usrah kepada pelajar KUIS, manakala Badar membincangkan prosedur dan proses kerja dalam menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan di dalam KUIS. Seminar Antarabangsa Masjid, Zakat dan Wakaf

3.6 Pusat Menghafal al-Quran

Masjid telah digunakan sebagai pusat menghafal al-Quran. Halaqah al-Quran menjadi suatu tradisi di beberapa masjid terkemuka. Oleh itu, masjid Al-Azhar di jadikan tempat untuk menghafal al-Quran bagi pelajar diploma, sarjana muda tahfiz dan pelajar yang mengambil subjek hafalan al-Quran. Setiap pagi suasana manghafal al-Quran diperkarangan masjid Al-Azhar adalah cukup mendamaikan dan dipenuhi halaqah hafalan quran.

3.7 Menguruskan usrah

Masjid Al-Azhar mengendalikan usrah kepada pelajar, staf kuis, khas kakitangan muslimah(yang dikenali sebagai Halaqah Mahabbah Muslimah Masjid) sebagai contoh Halaqah Mahabbah ini diadakan khusus untuk staf wanita yang menetap di kuarters kakitangan, felo wanita isteri /AJK Masjid bersama isteri Nazir iaitu Datin Muhibah. Dengan asas tuntutan ukhawah dan perkongsian ilmu,. halaqah dimulai dengan bacaan Surah Yassin, Solat Isyak' Berjemaah dan kupasan buku "Indahnya Hidup Bersyariat" disampaikan oleh Ustazah Safinah binti Ismail. Halaqah ditamatkan tepat jam 10.00 malam dengan juadah 'potluck'. Bertempat di rumah Rektor KUIS, halaqah mahabbah, sebanyak 2 kali pertemuan iaitu pada 14 Februari 2014 dan 19 Mac 2014 telah diadakan dengan kehadiran seramai 15 orang pada setiap sesi. Bagi memudahkan urusan, BHEM dengan

kerjasama Nisa' Alam menyediakan khidmat nurseri atau aktiviti untuk si cilik yang turut serta bersama para ibu ke halaqah. .(Norhasdillah Hashim, 2014:)

3.8 Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam

Program-program yang dianjurkan adalah bersempena hari-hari kebesaran dalam Islam seperti Sambutan Ma'al Hijrah, Maulidur Rasul dan Israk Mikraj. Sambutan Ma'al Hijrah. Antaranya Gema Cinta Rasul(Ekspresi Cinta Rasul) –pengisian adalah seperti Qasidah , Ceramah: “Aqidah Islamiyyah Pasakan Rasulullah S.A.W” oleh Ustaz Ahmad Azam (ayah al-syahid Ahmad Ammar), Perarakan: Gema Xpresi Cinta Rasul, Flashmob: Kekasihku Rasulullah, *Essay Writing Contest, Public Speaking Competition*, Ceramah: “*Fattabi'uni* Maka Ikutlah Aku” oleh Ustaz Zulkifli, Pertandingan: Video Ohsem KUIS, Gotong-royong Masjid, *Nisa' Got Talent* di Audi Pentadbiran, Teater Muzikal Islam: “Aishiteru Ya Rasulullah di Audi Pentadbiran, Qasidah Darul Mustafa, Joran Ria Tasik KUIS dan sebagainya.

3.9 Program Ihya' Ramadhan

Program ihya ramadhan dibuat setiap tahun, antara pengisiannya adalah ceramah ambang Ramadhan, penghayatan ramadhan, kuliah fiqh siyam, majlis berbuka dan moreh bersama Sultan Selangor, iftar harian dan iftar perdana, sahur untuk qiamulalil perdana dan lain-lain. Ia menelan belanja 100,000tt. Dana ini adalah hasil dari sumbangan korporat, syarikat swasta dan orang ramai.

3.10 Menerbitkan bahan bercetak

Penerbitan bahan-bahan bercetak ini tidak di nafikan juga turut memainkan peranan penting dalam penyebaran dakwah Islamiah dan juga proses memperkembangkan minda masyarakat ke arah pembentukan akidah yang sempurna. Justeru itu, pihak masjid telah menerbitkan bahan-bahan bacaan seperti risalah-risalah agama berkaitan dengan bulan Islam, risalah umum dalam Soutul Masjid , Buletin al-Azhar dan sebagainya. (Nabila Binti Ibrahim. 2010: 50-51)

3.11 Menjalankan riadah

Pengenalan Sukan Memanah Traditional (Sunnah) telah diadakan pada sesi pagi untuk alumni DAQIQ 2013 dan pada sesi petang pula terbuka kepada ajk masjid dan umum. Program tersebut dikendalikan oleh Saudara Baihaqi Abdullah yang merupakan alumni KUIS. Para peserta didedahkan dengan teknik memasang busur, disiplin pemanah di tapak sasaran dan memanah mengikut tradisi Islam. (Norhasdillah Hashim, 2014:) Antara lainnya adalah *Youth Futsal Challenge* bertempat di padang KUIS (Alam 2014:), *Let's Bowl* di The Mines, Serdang pada 7 Mac 2014 (Jumaat) sasarannya adalah Mahasiswa KUIS (ALAM 2014)

3.12 Memartabatkan wanita

Sempena Hari Wanita yang diadakan pada 8 Mac 2014 bagi meraikan pengorbanan wanita, BHEM telah mengedarkan sebanyak 250 mini kad ucapan “Selamat Hari Wanita” berserta sekeping coklat sebagai tanda ingatan kepada seluruh warga pentadbiran pada 7 Mac 2014. .(Norhasdillah Hashim, 2014:), *Nisa' Got Talent* di Audi Pentadbiran (ALAM 2014)

3.13 Memberi pendedahan tentang isu semasa

Masjid Al-Azhar juga tidak ketinggalan membincangkan tentang isu yang berlaku di dunia Islam. Anantara programnya adalah Himpunan Kesedaran Isu Semasa Syria 2014, Bertempat di Masjid Al-Azhar KUIS. Ia dilaksanakan selepas solat jumaat, Konvoi Bermotor "Peace For Syria" daripada kumpulan Al-Azhar Bikers (ABS) yang diketuai oleh Ketua Exco Lajnah Sukan & Kesenian, Mohammad Amri B. Ali. Titik permulaan ABS dari Masjid Al-Azhar selepas solat Asar sehingga ke destinasi Bandar Baru Nilai, USIM, UKM, Bandar Seri Putra dan Bandar Baru Bangi. (ALAM, 2014)

3.14 Kids friendly

Tiap-tiap orang kanak-kanak adalah didedahkan kepada pendidikan di rumah dan kemudiannya di sekolah. Masjid boleh dijadikan pusat pelengkap adab, sopan-santun dan sebagainya. Dengan kata lain, Institusi Masjid bolehlah dijadikan "*finishing school*". (Mohd Hairul Wariadi Bin Masandid. 2011:34)

Perkarangan masjid dapat menampung berbagai-bagai keperluan dalam usaha membantu pertumbuhan jasmani kanak-kanak sesuai dengan besarnya dorongan untuk bergerak (bermain dan bekerja) pada kanak-kanak. (Siti Zaharah A. Hamid. 1981) Di antara aktiviti yang dapat menanam hubungan kanak-kanak dengan masjid seperti latihan (memanah,) jasmani, olahraga, berbagai-bagai jenis perlumbaan dan pertandingan yang berbentuk ilmiah dan galakan seperti pertandingan mewarna dan sebagainya telah diadakan diperkarangan masjid KUIS Atas dasar inilah pihak masjid banyak menganjurkan aktiviti untuk kanak-kanak. Dengan kerjasama dan sokongan yang kuat daripada pelbagai pihak seperti ADUN Bangi, Al-Azhar Members (ALAM) dan Persatuan Penduduk. Dengan adanya kerjasama ini maka terlaksanalah pelbagai program yang dianjurkan. Di antara program yang dianjurkan termasuklah *Daurah al-Quran fi Qalbi* (DAQIQ 13) dalam usaha menjadikan masjid Al-Azhar sebagai masjid *Kids friendly*.

3.15 Dakwah Midani

Dakwah masjid bukan sahaja tertumpu di masjid semata-mata. Oleh itu, Al Azhar Members telah melaksanakan program mereka iaitu Say No To Valentine's Day yang diadakan di KL Sentral – Midvalley – KTM Bangi pada 14 Februari 2014. Ia melibatkan para pelajar KUIS. Program ini dianjurkan oleh ALAM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Program ini dijalankan adalah untuk menarik minat mahasiswa melibatkan diri dalam dunia dakwah dan turun ke lapangan untuk berjumpa dengan masyarakat. Selain itu, ingin mempraktikkan method dakwah secara teori dan praktikal sekaligus serta menanam sikap tanggungjawab terhadap agama di kalangan mahasiswa itu sendiri. Di samping itu, untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tidak kira muslim atau belum bergelar muslim bahawasanya menyambut "*Valentine's Day*" di sisi Islam adalah "Haram".

Matlamat program ini juga adalah untuk mendekati dan meyedarkan golongan ini akan keburukan dan kesan negatif hasil daripada aktiviti kurang sihat sedemikian. Program ini lebih kepada aktiviti *amar makruf nahi munkar*, di mana ia akan melahirkan mahasiswa yang cakna tentang isu kemasyarakatan di Malaysia dan menyemai rasa tanggungjawab ke dalam diri mahasiswa akan dakwah Islamiyah. Dakwah Lapangan *Homeless* juga turut dilaksanakan di Masjid Jamek dan sekitar Pudu Raya pada 1-2 Februari 2014 (Sabtu dan Ahad)

3.16 Amar Maaruf Dan Nahi Munkar

Pihak masjid mempunyai kuasa untuk menjemput atau memanggil pihak yang melakukan kesalahan untuk memberi nasihat tentang salah-laku warga KUIS yang bertentangan atau bercanggah dengan

Islam iaitu di bawah Biro *Amar Maaruf Dan Nahi Munkar* (BADAR) – Merupakan satu biro khusus dalam Jawatankuasa Masjid Al-Azhar. Tanggungjawab utama adalah untuk menguatkuasa undang-undang dan peraturan di dalam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. BADAR di anggotai oleh pegawai, pensyarah dan pelajar KUIS. Ianya di ketuai oleh Ustaz Safwan bin Ahmad. Manakala Ahli Jawatankuasanya ialah Ustaz Saifulah Samsudin dan Ustaz Syarul Azman daripada Akademi Islam KUIS serta En. Che Wan Shamsul Bahri C.W.Ahmad daripada Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat. Manakala Ahli Jawatankuasa dalam kalangan pelajar pula diketuai oleh saudara Muhammad Azli Firdaus bin Che Seman.

BADAR berusaha membantu Bahagian Pembangunan Mahasiswa (BPM) dan Bahagian Kediaman Dan Penempatan Mahasiswa BKPM dalam membentuk sahsiah pelajar KUIS sebagaimana yang dinyatakan di dalam Peraturan Tatatertib dan Tarbiyyah Pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) (Pindaan 2011), mana-mana pekeliling atau arahan yang berkuatkuasa daripada semasa ke semasa.

Di antara program utama BADAR adalah *Liqo'* dan *Iftar* BADAR, Bengkel Teori dan Praktikal (*Recruit*), Ops Jumaat dan Ops Rondaan. Ianya bagi memastikan buah solehah terjaga di KUIS. Operasi rondaan telah dijalankan pada 2 dan 3 April 2014 yang lepas dengan mengeluarkan nasihat dan notis hadir ke BPM bagi tindakan selanjutnya. (Che Wan Shamsul Bahri bin Che Wan Ahmad.2014)

3.17 Pusat Kebajikan Islam.

Institusi Masjid Al-Azhar dijadikan sebagai pusat kebajikan Islam di mana segala masalah kebajikan orang Islam bolehlah dibawa ke masjid. Dengan kata lain, Institusi Masjid ialah sebuah institusi yang menjaga kebajikan warga KUIS. Sekiranya seseorang pelajar atau staf sakit atau mengalami kesusahan, pihak masjid akan membantu mereka contohnya apabila AJK masjid mendapat berita mereka akan berkunjung ke rumah pihak yang berkenaan, pihak majid al-azhar juga turut terlibat dalam membantu mangsa banjir di Kemaman dan Kuantan di Pahang.

Jawatankuasa masjid juga telah bersetuju untuk memasang kipas besar di bahagian tengah-tengah dewan solat utama. Bagi memberikan keselesaan kepada jemaah masjid, kos pemasangan adalah sebanyak RM 67,000.00. Dana bagi projek pemasangan adalah melalui sumbangan ahli kariah serta beberapa syarikat dan agensi. Kerja-kerja pemasangan bermula pada 14.03.2014 dan siap sepenuhnya pada 24.03.2014 (Mohamad Tarmizi bin Mohamad Hamid.2014)

3.18 Mengadakan korban

AJK dan warga KUIS serta masyarakat setempat bersama-sama mengadakan ibadah qurban yang dituntut oleh agama. Orang ramai yang mengambil bahagian terdiri daripada staf KUIS dan juga masyarakat luar. Melihat kepada semangat perpaduan dan kerjasama yang ditunjukkan oleh masyarakat sekitar ini wajar dicontohi oleh umat Islam masa kini. (Nabila Binti Ibrahim. 2010: 55)

Bertepatan dengan Firman Allah Maksudnya: Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan Ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaanNya kepada mereka; binatang-binatang ternak Yang disembelih itu. kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepadanya; dan sampaikanlah berita gembira (Wahai Muhammad) kepada orang-orang Yang tunduk taat. Surah Al-Hājj (22):34

3.19 Pusat Kutipan Zakat

Masjid al-Azhar dengan kerjasama lembaga zakat Selangor telah menubuhkan pusat kutipan zakat. Ia terletak di satu sudut masjid al-Azhar. Para pembayar zakat boleh menunaikan Zakat Pendapatan, Zakat Perniagaan, Zakat Simpanan, Zakat Saham, Zakat KWSP, Zakat Emas, Zakat Perak, Qada Zakat, Zakat Harta (Buletin al-Azhar. 2014:1) di KUIS tanpa perlu berurusan di luar.

4. PENUTUP

Masjid bukan hanya dijadikan tempat solat, tetapi ia juga sebagai sarana penting untuk mempersatukan kaum Muslimin dan mengeratkan hubungan persaudaraan sesama Islam. Masjid Al-Azhar, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) terletak di Bandar Seri Putra dikategorikan sebagai sebuah 'Masjid Institusi' kerana ianya terletak di dalam sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam milik sepenuhnya Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Masjid Al-Azhar merupakan masjid yang aktif menganjurkan pelbagai program pengimarahannya antara perannya adalah menghidupkan budaya ilmu, pusat ibadah, pusat kebajikan, amar makruf nahi mungkar, menyebarkan dakwah kepada warga KUIS dan masyarakat setempat.

RUJUKAN

Ab Aziz Mohd Zin. 2005. Metodologi Dakwah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Abdurrahman Raden A.H (2004), Peranan Masjid Masa Kini: Satu Penilaian Berkaitan Dengan Kedudukannya Sebagai Wadah Kepimpinan Raja, Seminar Masjid Brunei, ICC Berakas.

ALAM 2014. Laporan biro pemuda/i Masjid Al-Azhar

Awang Osman, Awang Saedon. 2003. Jejak-jejak... Penyelenggaraan Prof. Madya Dr. Awang Hj Hashim Haji Abd Hamid (Gadong: Akademik Pengajian Timur.

Buletin Al-Azhar. 2014

Che Wan Shamsul Bahri bin Che Wan Ahmad. 2014 Laporan Biro Amar Maaruf Dan Nahi Munkar (BADAR)

Faidullah Al-Maqdisi (1989), *Fath Al-Rahman Li Talib Ayatul Quran*, Darul Quran, Beirut.

Mohamad Tarmizi bin Mohamad Hamid. 2014,. Laporan biro teknikal Masjid Al-Azhar Dokumen Masjid Al-Azhar.

Mohd Hairul Wariadi Bin Masandid. 2011. Keberkesanan Program Dakwah Di Masjid Al-Najihin Bandar Sri Permaisuri Kuala Lumpur. Latihan Ilmiah Diploma Pengajian Islam (Dakwah) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Nabila Binti Ibrahim. 2010. Metodologi Dakwah Terhadap Masyarakat: Satu Kajian Di Masjid Jamek Ara Kuda, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Latihan Ilmiah Diploma Pengajian Islam, Jabatan Dakwah, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Norhasdillah Hashim, 2014, Laporan biro muslimat Masjid Al-Azhar

Indeks Al-Quran [http://quran.al-islam.com/Loader.aspx?pageid=968&Words= masjid&Level=exact&Type=phrase](http://quran.al-islam.com/Loader.aspx?pageid=968&Words=masjid&Level=exact&Type=phrase)

Siti Zaharah A.Hamid.1981.Peranan Masjid dalam Pembentukan keperibadian Kanak-kanak.Skripsi Sarjana Muda Usuluddin dan Kemasyarakatan Nilam Puri.

Zakaria Stapa, "Fungsi dan Kegunaan Masjid Simbol Perpaduan Ummah" dalam. Eksklusif, 21-27 Februari, 2000, Kuala Lumpur